

# Enam strategi baru dasar pertanian

KUALA LUMPUR, Isnin — Dasar Pertanian Negara 1992—2010 yang dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini mempunyai enam strategi utama untuk mewujudkan sektor pertanian yang dinamik dan cergas.

Menurut dokumen setebal 41 halaman, DPN akan meneruskan usaha mempercepat transformasi sektor pertanian kepada satu sektor yang lebih moden, berkomersil dan mampan dengan menentukan arah pertumbuhan dan pembangunannya berpandu kepada pasaran dan sumber manusia.

DPN 1992—2010 bertujuan membentuk sebuah sektor pertanian dinamik dan cergas meliputi perniagaan

tani, perladangan dan pengusahaan cekap.

Enam strategi jangka panjang itu adalah:

- Penggunaan sumber secara optimum;
- Pemesatan pembangunan industri berasaskan pertanian;
- Penyelidikan dan pembangunan;
- Fungsi utama sektor swasta;
- Pembentukan semula pemasaran; dan
- Pembangunan industri makanan yang dinamik.

Menurut strategi pertama dasar itu, penggunaan sumber secara optimum diberi penekanan kerana sektor pertanian sedang menghadapi pelbagai halangan, termasuk kekurangan sumber

air akibat peningkatan permintaan.

Dokumen DPN 1992—2010 itu juga menyebut, pemuliharaan dan penyatuan tanah pertanian terbiar lebih diberi tumpuan dan diperluaskan berasaskan matlamat tahunan yang khusus.

“Usaha ini akan diperlengkapkan dengan pembentukan suatu pelan penggunaan tanah yang komprehensif merangkumi keperluan antara dan dalam sektor.

“Sebagai tambahan, langkah jangka pendek untuk mengatasi masalah kekurangan tenaga buruh di satu-satu tempat tertentu akan dilaksanakan manakala pengu-

**LIHAT MUKA 2**

BERITA HARIAN/SELASA 2 FEBRUARI, 1993

## Penyelidikan juga penting

**DARI MUKA 1**

**B.H. = 2 FEB 1993**

rusan sumber air terus ditingkatkan,” menurut dasar itu.

Sementara bagi strategi kedua dasar berkenaan, pengeluaran pertanian akan dihubungkan dengan pertumbuhan masa hadapan sektor pembuatan, khususnya industri berasaskan pertanian dan industri hiliran.

Ia meliputi pemprosesan dan pembuatan bagi keluaran pertanian sama ada makanan atau bukan makanan.

Selain berpotensi kukuh untuk penggantian import dan eksport, langkah itu sekaligus membolehkan peluang lebih luas bagi kegiatan nilai ditambah yang seterusnya mendorong kepada pembangunan tanah.

Menurut dasar itu, galakan pembangunan hiliran selanjutnya dengan menggunakan sumber tempatan dan membabitkan

projek bersepadu akan menjadi satu ciri penting.

Bagi strategi ketiga, dasar itu menyebut bahawa penyelidikan dan pembangunan akan meliputi pembaikan dalam pengurusan sumber, kaedah-kaedah pengeluaran, pemprosesan dan pembungkusan, pembangunan bakul haiwan termasuk varieti ikan dan tanaman yang boleh meningkatkan produktiviti.

“Sumbangan penyelidikan dan pembangunan kepada pertumbuhan akan tercapai melalui peningkatan penyebaran dengan menggunakan teknologi asing dan tempatan.

“Kegiatan penyelidikan dan pembangunan membabitkan usahasama swasta dan awam akan digalakan dan diperluas untuk meningkatkan produktiviti dan pengeluaran,” menurut dasar itu.